

# PEACE TABLET

Triprolidine hydrochloride / Pseudoephedrine hydrochloride (2.5mg / 60mg)

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan PEACE TABLET
2. Bagaimana PEACE TABLET berfungsi
3. Sebelum menggunakan PEACE TABLET
4. Cara menggunakan PEACE TABLET
5. Semasa menggunakan PEACE TABLET
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan PEACE TABLET
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

## Apakah kegunaan PEACE TABLET

PEACE TABLET digunakan untuk melegakan bersin, hidung tersumbat dan berair yang disebabkan oleh alahan yang bermusim dan rinitis (radang pada lapisan membran mukosa di dalam hidung) vasomotor (bukan alahan).

## Bagaimana PEACE TABLET berfungsi

*Triprolidine* merupakan kelas ubat yang dikenali sebagai antihistamina. Ubat ini berfungsi untuk menyekat tindakan histamina yang merupakan sejenis bahan biologi dalam badan yang menyebabkan simptom seperti bersin, gatal, mata berair dan hidung berair.

*Pseudoephedrine* adalah sejenis ejen simpatomimetik yang berfungsi untuk mengecutkan saluran darah di dalam saluran pernafasan untuk melegakan bengkak mukosa dan kesesakan hidung.

## Sebelum menggunakan PEACE TABLET

### - Bila tidak boleh menggunakan

- Anda tidak boleh mengambil PEACE TABLET jika anda mempunyai penyakit kardiovaskular (jantung), penyakit endokrin (gangguan hormon) dan alah terhadap ubat ini.
- Elakkan daripada mengambil PEACE TABLET jika anda di bawah rawatan Perencat *monoamine oxidase (MOAI)* atau dalam tempoh 2 minggu selepas rawatan ini berhenti.

### - Sebelum mula menggunakan PEACE TABLET

- Berunding dengan doktor atau ahli farmasi mengenai pengambilan PEACE TABLET jika anda sedang hamil atau menyusukan anak.
- Beritahu doktor jika anda alah terhadap sebarang ubat ataupun mempunyai sebarang masalah kesihatan seperti glaukoma sudut sempit (iris mata tertarik atau tertolak kehadapan), sekatan pyloroduodenum (halangan pada salur keluar gastrik), pembesaran prostat, kencing manis, penyakit iskemia jantung yang juga dikenali koronari jantung (penyempitan saluran arteri), perembesan hormon tiroid yang berlebihan, dan kemerosotan fungsi buah pinggang dan hati yang teruk.

### - Jika mengambil ubat-ubat lain

Elakkan penggunaan PEACE TABLET dengan:

- ejen simpatomimetik (seperti ubat yang melegakan kesesakan hidung, *tricyclic antidepressant*, ubat pembantu selera, perangsang psiko yang merupakan amphetamine atau perencat *monoamine oxidase*).
- ejen penurunan tekanan darah tinggi (*methyldopa, guanethidine*)
- ejen antibakteria, *Furazolidone*.

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda sedang mengambil sebarang ubat, termasuknya ubat yang tidak memerlukan preskripsi.

## Cara menggunakan PEACE TABLET

### - Berapa banyak harus digunakan

Dewasa dan kanak-kanak > 12 tahun:  
1 tablet, 3-4 kali sehari

Kanak-kanak 6 –12 tahun:  
 $\frac{1}{2}$  tablet, 3-4 kali sehari

### - Bila perlu digunakan

PEACE TABLET harus diambil mengikut masa yang dinasihatkan oleh doktor atau ahli farmasi anda. Ubat ini perlu diambil dengan atau tanpa makanan.

### - Berapa lama perlu digunakan

PEACE TABLET perlu diambil dengan tetap dan selama mana mengikut nasihat doktor anda.

### - Jika terlupa menggunakan

Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda tentang apa yang perlu dilakukan jika anda terlupa menggunakan ubat ini.

Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos terlepas dan tunggu untuk mengambil dos seterusnya pada masa biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

### - Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Pengambilan ubat ini secara berlebihan mungkin menyebabkan:

- Rasa mengantuk
- Pening
- Ketakselarasan
- Lemah
- Konvulsi
- Depresi respiratori
- Takikardia (kadar degupan jantung yang cepat)

## Semasa menggunakan PEACE TABLET

### - Perkara yang perlu dilakukan

Ambil ubat anda mengikut arahan doktor.

Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang

merawat anda bahawa anda sedang menggunakan PEACE TABLET.  
Beritahu doktor anda dengan segera jika anda menjadi hamil semasa menggunakan ubat ini.

- **Perkara yang tidak boleh dilakukan**

Jangan berhenti menggunakan ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor anda.

Jangan mula mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.

Jangan berkongsi PEACE TABLET dengan sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau penyakit yang sama.

- **Perkara yang perlu diberi perhatian**

- Elakkan pengambilan alkohol semasa rawatan dengan PEACE TABLET.
- Sila berhati-hati jika anda ingin memandu kereta atau mengendalikan jentera yang berbahaya selepas mengambil ubat ini.
- Ia harus digunakan dengan berhati-hati di kalangan kanak-kanak di bawah 6 tahun.

**Kesan-kesan sampingan**

PEACE TABLET mungkin akan menyebabkan kekeringan mulut, hidung dan kerongkong, sedasi, kesan mengantuk, pening, penyelaras terganggu, tekanan darah rendah, sakit kepala, degupan jantung yang rancak, takikardia, gangguan epigastrik, anoreksia, loya, muntah dan pemekatan rembesan bronkial. Sila beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda mengalami sebarang kesan sampingan yang lain.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web [portal.bpfk.gov.my](http://portal.bpfk.gov.my) (*Consumers → Reporting*).

**Cara penyimpanan dan pelupusan PEACE TABLET**

- **Penyimpanan**

Simpan di bawah suhu 30°C, elakkan daripada terdedah kepada cahaya dan kelembapan. Simpan di dalam bekas yang tertutup rapat.

- **Pelupusan**

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

**Maklumat lanjut**

- **Rupa dan warna produk**

PEACE TABLET merupakan tablet segi empat yang berwarna kuning pucat, salah satu permukaannya ditandakan dengan tanda 'YS', dan

tanda "  " pada permukaan yang satu lagi.

- **Bahan-bahan kandungan**

- Bahan-bahan aktif  
*Triprolidine hydrochloride*  
*pseudoephedrine hydrochloride*
- Bahan-bahan tidak aktif  
*Sodium Starch Glycolate*  
*Talc*  
*Magnesium Stearate*  
*Neusilin*  
*Avicel*  
*Isopropyl Alcohol*  
*Riboflavin*

- **Nombor MAL**

MAL19970980AZ

**Pengilang & Pemegang Pendaftaran Produk**

Y.S.P. Industries (M) Sdn. Bhd.  
Lot 3,5 & 7, Jalan P/7, Section 13,  
Kawasan Perindustrian Bandar Baru  
Bangi, 43000 Kajang, Selangor Darul  
Ehsan, Malaysia.

**Tarikh kemaskini RiMUP**

26 Oktober 2015

**Nombor siri:**

BPFK(R4/1)051015/00333